

# KURANGNYA INTEGRITI DI KALANGAN REMAJA... Mengapa?

MEMETIK UNGKAPAN AHLI FALSAFAH TERKENAL YANG JUGA PEMENANG HADIAH KEAMANAN NOBEL DARI BRITAIN, BETRAND RUSSELL, 'NO AMOUNT OF RULES COULD ENSURE MORALITY'. WALAUPUN NEGARA KITA MEMPUNYAI SISTEM DAN PROSEDUR YANG HEBAT, PECAH AMANAH DAN KETIDAKJUJURAN TIDAK SESEKALI DAPAT DIBENDUNG SELAGI PEMUDA TIDAK MENJADIKAN AGAMA SEBAGAI CARA HIDUP.



Ungkapan itu tampak begitu 'cocok' dengan persoalan yang dibincangkan dalam edisi kali ini 'Kurangnya Integriti Di Kalangan Remaja. Mengapa?' Apabila menyebut perkataan integriti, konteksnya agak luas untuk dibincangkan. Namun, yang ingin ditekan ialah tentang kurangnya integriti di kalangan anak muda pada hari ini. Mengapakah

ini berlaku? Ia dirujuk apabila melihat di usia inilah mereka terdedah kepada pelbagai cabaran.

Bagi mengupas dan memperincikannya, majalah HARMONI melontarkan persoalan ini kepada Pensyarah Kanan Pusat Kesejahteraan Insan Dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Dr. Faisal Ashaari,

Pensyarah Kanan Jabatan Antropologi & Sosiologi Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Dr. Rosila Bee Mohd Hussain, di samping bertanyakan pandangan generasi muda tentang hal ini.

Menurut Faisal, integriti menurut perspektif Islam disebut sebagai takwa. Dalam Bahasa Melayu disebut sebagai ketulusan hati dan

ketepatan antara kata dan hati seseorang. Sementara Kamus Dewan pula menyebut, integriti bermaksud kejujuran dan ketulusan. Secara istilah, integriti ditakrifkan sebagai etika seseorang yang beramanah, boleh dipercayai, memegang pada janji dan komited dalam menjalankan tugas.

Jelasnya, "Apabila bercakap tentang integriti, sumbernya dikaitkan dengan Tuhan, kerana ia melibatkan pertimbangan dosa dan pahala. Jika tidak, kita boleh melakukan apa sahaja kerana kita mungkin boleh selamat daripada tindakan undang-undang, tetapi tidak dengan Tuhan. Integriti atau takwa lahir dari hati. Hanya kita dan Dia sahaja yang mengetahui. Ia tidak boleh dilakukan secara berpura-pura. Dalam masa yang sama kita tidak boleh mengelakkan diri daripada Tuhan. Apa sahaja yang kita lakukan



Dr. Faisal Ashaari

perlu disemai dan diterapkan sejak anak itu mumayyiz atau seawal berumur empat tahun, kerana pada usia itu mereka sudah boleh menerima arahan, apa

yang boleh dilakukan, apa yang tidak, soal segan, malu dan sebagainya. Setelah meningkat remaja, nilai-nilai mulia itu sudah sebat dalam hidup memungkinkannya mereka mempunyai 'antibodi' yang kuat untuk menangkis gejala yang tidak diingini."

"Bak kata peribahasa Melayu, 'melenbut buluh biar dari rebunginya'. Sebab itulah Islam menyarankan bagaimana dan bilakah masa yang sesuai untuk mendidik anak. Misalnya

dikaitkan dengan akhlak yang menggambarkan kemurnian diri seseorang, ia juga dibincangkan dalam konteks akhlak yang mulia. Justeru, seseorang itu tidak seharusnya bersikap 'double standard'. Sebaliknya perlu mencari kualiti akhlak yang lebih baik. Itulah yang membezakannya dengan yang lain.

"Salah satu nilai integriti ialah solat, puasa dan ibadah lain kerana ia lahir daripada ketulusan dan keikhlasan hati, walau di mana berada. Ini kerana mereka yang memiliki nilai-nilai ini mungkin tidak mendapat balasan di dunia, tetapi akan diberikan ganjaran pahala dan ganjaran di akhirat," tambahnya.

## KEKAN JIKA TIADA INTEGRITI

Beliau menegaskan, "Jika seseorang tidak mempunyai integriti, hidup mereka penuh keputeraan, melanggar undang-undang dan menzalimi orang lain. Misalnya, terlibat dengan rasuah dan pelbagai lagi. Sebab itulah integriti dikaitkan dengan mereka yang mematuhi undang dan etika."

"Dalam pada itu mendidik dan menerapkan nilai ini adalah tanggungjawab semua, bukan hanya diserahkan kepada pihak-pihak tertentu seperti ibu, bapa, guru dan sebagainya. Malah pemimpin dan masyarakat perlu memiliki nilai-nilai murni ini.



Gambar hiasan.

akan diperhati dan dinilai oleh-Nya."

"Seseorang yang berintegriti akan melakukan kebaikan sama ada di hadapan orang ataupun tidak. Misalnya, dalam soal solat atau ibadah lain. Namun, untuk mencapai tahap integriti bukan mudah dan mengambil masa yang lama. Ini kerana kita mesti beramal hingga mencapai tahap takwa kepada Allah."

Hal yang sama turut disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud, "Takutlah kamu kepada Allah walau di mana sahaja kamu berada." Bahkan turut disebut dalam surah Ali Imran, ayat 102, bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa kepada-Nya: dan janganlah kamu mati kecuali dalam keadaan beragama Islam."

Ujar Faisal, "Penerapan nilai integriti

seawal tujuh tahun anak disuruh solat dan apabila berumur 10 tahun mereka boleh dirotan jika tidak melakukan solat. Suruhan itu bertujuan untuk mendidik. Pada usia anak-anak masih kecil mereka suka meniru. Jadi kita sepatutnya mengajar mereka agar meniru benda yang baik."

"Justeru wajarlah menjadi ihsan mulia dan umat terbaik sebagai misi kepada semua orang. Apatah lagi sebagai umat Islam kita dituntut untuk menjadi baik. Sebagai insan yang bertakwa, kita perlu fikir yang baik dan dapat memberi kebaikan kepada semua orang. Namun kebaikan yang dilakukan bukan untuk tempoh waktu atau tempat tertentu sahaja," tegasnya.

## PENERAPAN MURNI

Dalam pada itu Faisal turut menekankan integriti juga boleh

## Tip

DALAM pada itu Faisal menyarankan bahawa:

- Hal ini perlu dipupuk sejak anak itu masih kecil dengan menekankan tentang tanggungjawab.
- Dalam masa yang sama amalkan motto, 'Beramallah sehingga kita menjadi ikhlas, bukannya tunggu ikhlas untuk beramal'.
- Kekalkan solat di samping menjaga ibadah khusus. Ini kerana walaupun tidak mendapat balasan di dunia, tetapi mereka dijanjikan pahala di akhirat.


Sementara itu menurut Dr. Rosila, daripada aspek sosiologi, integriti adalah sesuatu perbuatan yang mengikut etika dan melaksanakan perkara yang betul dalam semua keadaan, walaupun tiada siapa yang memerhatikan. Tetapi dalam memiliki sifat benar terhadap diri sendiri tidaklah sampai melakukan perkara yang merendahkan atau menjatuhkan harga diri. Contohnya, solat lima waktu. Walaupun tiada siapa yang nampak tetapi disebabkan memiliki nilai integriti yang tinggi, remaja tersebut tetap melaksanakan tuntutan itu.

Jelasnya, "Corak integriti di kalangan remaja boleh berlaku dalam pelbagai cara apabila mereka berada dalam kelompok yang berbeza, seperti diri sendiri, kumpulan, sekolah dan komuniti. Daripada aspek personal, mereka akan punyai kesedaran moral, akademik dan kepercayaan."

Mereka adalah individu yang tidak mudah dirasuah, jujur, berterus terang dan tidak mudah berputus asa. Tetapi, dalam memperkatakan tentang integriti secara personal ia bersifat subjektif, merujuk kepada bagaimana pengaruh nilai keluarga terdapat dirinya.

"Perkara ini menunjukkan integriti dari sudut personal terlalu subjektif dan harus berbalik kepada bagaimana nilai yang telah dididik oleh keluarga. Jika remaja itu dibesarkan dalam keluarga yang kuat pegangan agama, berkemungkinan dia membesar sebagai seorang kuat beragama, tidak mudah dirasuah, sentiasa jujur dalam percakapan dan perbuatan. Jadi tidak mudah untuk kita meletakkan tuduhan kepada seseorang remaja tentang tahap integriti."

"Di peringkat kumpulan pula, boleh jadi remaja tersebut berada dalam lingkungan rakan-rakan dan keluarga. Biasanya remaja yang mempunyai integriti adalah individu yang boleh menjaga rahsia kawan dan menjaga aib keluarga, dianggap sebagai contoh remaja berintegriti. Mudahnya, integriti remaja ini bukan sekadar untuk



Dr. Rosila Bee  
Mohd Hussain

kepentingan diri bahkan untuk kepentingan keluarga dan kawan-kawan," tegasnya.

Di sekolah atau pengajian tinggi, remaja akan berhadapan dengan pelbagai latar kumpulan dan individu, seperti rakan sebaya, guru, pentadbir dan sudah mula ada peraturan

yang perlu diikuti. Remaja yang tidak berintegriti akan membelakangi peraturan yang telah ditetapkan. Ini akan menjurus kepada masalah sosial, seperti ponteng kelas dan pelbagai lagi. Sementara corak remaja dalam komuniti pula melibatkan jiran dan masyarakat sekeliling.

## CORAK INTEGRITI REMAJA

Rosila menambah, corak integriti remaja juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain, seperti kaum, pendapatan keluarga, kawasan tempat tinggal dan pengalaman. Setiap kaum mempunyai budaya, cara hidup, amalan, pendapat, nilai dan norma yang berbeza. Tidak semua amalan atau perbuatan dalam sesuatu kaum itu dilihat sebagai tidak ada integriti. Sebagai contoh, berjudi. Bagi masyarakat Melayu, remaja yang berjudi dianggap tiada integriti. Tetapi dalam masyarakat Cina, ia mempunyai simbolik tertentu dan dikira mempunyai integriti sekiranya tidak menipu semasa bermain.

Daripada segi pendapatan pula, remaja yang berasal daripada latar belakang keluarga berbeza mempunyai nilai hidup yang berbeza. Misalnya, bagi keluarga berpendapatan tinggi, berbelanja makan tengah hari bernilai ratusan ringgit adalah biasa. Tetapi bagi yang berpendapatan

rendah, itu dianggap membazir dan dilihat sebagai tidak berintegriti.

Pun begitu, bagi Rosila, integriti sesuatu yang sukar untuk 'didakwa', kerana ia bergantung kepada nilai dan didikan seseorang. Namun, dalam hal tertentu masyarakat sepatutnya mengatakn perbuatan rasuah, menipu, melakukan vandalisme dan sebagainya sebagai tidak berintegriti.

## PERANAN PELBAGAI PIHAK

Oleh itu, untuk mewujudkan masyarakat khususnya remaja yang berintegriti masih menjadi agenda penting. Setiap sendi negara menjadi tanggungjawab dalam mewujudkan komuniti yang tinggi integriti dan mesti bermula dengan remaja itu sendiri. Dalam masa yang sama keluarga juga perlu memainkan peranan penting memberikan galakan dan berkongsi maklumat dengan anak-anak tentang banyak perkara. Sekolah juga tidak kecualli dalam usaha mewujudkan remaja yang tinggi integriti dengan merancang aktiviti dan program menarik bagi memupuk nilai ini.

Ujarnya, rakan-rakan turut memainkan peranan pengaruh seseorang. Jadi, remaja harus bijak memilih rakan yang tinggi integriti supaya sedikit sebanyak dapat mempengaruhi wataknya. Media dan selebriti juga perlu menonjolkan nilai yang sama, kerana remaja mudah terpengaruh dengan dua mekanisma ini. Sementara syarikat swasta boleh mengambil bahagian dalam kempen melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR). Dalam pada itu pemimpin daripada pelbagai peringkat juga perlu menunjukkan teladan yang baik tentang nilai berkenaan.

# Apa kata anak muda

**H**anifah Athirah Mohd. Hazizi, 23, juruan Syariah, UKM, berpendapat, integriti dikalangan remaja semakin terhakis. Walaupun hanya segelintir yang terlibat, tetapi fenomena ini dapat dilihat sejak di universiti.



Hanifah Athirah Mohd. Hazizi

Katanya, "Seseorang yang tidak berintegriti sejak remaja akan terbawa-bawa dengan tingkah laku itu ke alam pekerjaan. Mereka akan melakukan kerja sambil lewa dan mendatangkan masalah kepada diri di kemudian hari. Malah akan menghakis kepercayaan orang terhadapnya."

Baginya, kesedaran untuk memupuk nilai integriti boleh dipupuk sejak di universiti dengan melakukan kerja berkumpulan yang diberikan oleh pensyarah, tetapi penglibatan itu perlu direkodkan agar penilaian yang diberikan lebih adil. Pada masa yang sama memberi kesedaran yang praktikal tentang masa depan akibat tidak berintegriti.

Seorang lagi pelajar jurusan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Luqman Al-Hakim Abd Rahman, 22, berpendapat, hari ini penyerapan unsur budaya luar yang bersifat negatif sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku masyarakat khususnya golongan muda. Peranan media yang menyulurkan

sumber maklumat telah mempengaruhi pemikiran dan perilaku golongan ini.

Katanya, "Bagi melahirkan generasi yang berakhlak mulia, bermoral serta kukuh pegangan agama, nilai integriti perlu dititikberatkan oleh generasi muda bagi mencapai Wawasan 2020 di

dalam Cabaran Keempat - "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur."

Daripada perspektif Islam pula, integriti dikaitkan dengan akhlak mulia sebagaimana sifat Nabi Muhammad s.a.w. seperti siddiq (benar), amanah, tabligh (menyampaikan), fatanah (bijaksana). Malah Baginda memberi penekanan khusus terhadap akhlak seperti dijelaskan dalam hadis yang bermaksud, "Sesungguhnya aku diutuskan khusus menyempurnakan kemuliaan akhlak manusia." (HR Al-Baihaqi, Imam Bukhari, Ahmad, Al-Hakim, Ibnu Saad, Al-Qudha'iy)

Baginya, "integriti boleh disimpulkan sebagai akhlak, nilai murni dan etika yang harus ada pada seseorang bagi mewujudkan kualiti unggul sebuah generasi, khususnya golongan muda yang berpandangan agama. Nilai-nilai integriti haruslah diterapkan dalam kalangan anak-anak muda bagi mengukuhkan asas moral

generasi ini daripada sifat khianat, pecah amanah, mungkir janji, mafistusa. Hal ini amat penting kerana mereka bakal memimpin dan menegulakan masa hadapan serta mencorakkan tujuan negara. Jika sifat ini tidak ditadbir dalam diri, masa hadapan negara akan jatuh dan tidak seiring dengan kemajuan yang lain."

"Di samping itu integriti turut memainkan peranan penting dalam pembinaan sesebuah tamadun. Ini kerana, masyarakat yang berpegang teguh kepada integriti adalah masyarakat yang mampu membezakan kebaikan dalam semua aspek terutama dalam pembentukan sesebuah generasi. Jika konsep integriti ditinggalkan dalam kalangan anak-anak secara holistik, secara tidak langsung, penyalahgunaan kuasa yang boleh mencalarakan imej individu mahupun negara dapat dibendung," tegasnya.

Dalam masa yang sama, Luqman turut menjelaskan, nilai keagamaan yang diterapkan sejak dari bangku sekolah dapat mengekang golongan ini daripada melakukan perkara di luar batasan. Ini kerana mereka menghayati batasan-batasan yang ditetapkan dalam agama bagi membentuk seorang muslim yang bersifat mahmudah.

Nilai murni yang dibawa oleh agama mendorong seseorang untuk kembali kepada etika yang lebih mementingkan kejujuran, disebalik pegangan asas tauhid yang utuh dalam diri mereka.

Dengan ini dapat disimpulkan jika generasi muda tidak mampu berubah mulai sekarang, jangan sesekali mengatakan Transformasi Nasional 2050 (TN50) mampu dilaksanakan. Sebaliknya, ia hanya akan menjadi omongan kosong dan perancangan tanpa tindakan. Lantas, pembentangan bangsa Malaysia yang berintegriti direalisasikan. Oleh itu sewajarnya kembali kepada asas pegangan yang berpandukan al-Quran dan Sunnah untuk mencorakkan integriti, etika, nilai moral yang penuh ber hikmah



Integriti boleh disimpulkan sebagai akhlak, nilai murni dan etika yang harus ada pada seseorang bagi mewujudkan kualiti unggul sebuah generasi.